

# PERTANDINGAN 'ROAD RELAY' ANTARA SEKSYEN BAGI TAHUN 2018 PU GONG KEDAK

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4302-pertandingan-road-relay-antara-seksyen-bagi-tahun-2018-pu-gong-kedak](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4302-pertandingan-road-relay-antara-seksyen-bagi-tahun-2018-pu-gong-kedak)

GONG KEDAK, 28 Dis 18 – Sempena menutup tirai Karnival Sukan 2018 Pangkalan Udara Gong Kedak, satu pertandingan 'road relay' telah diadakan di Astaka Padang Pangkalan yang melibatkan semua seksyen terdiri daripada No 11 Skuadron, Cawang Kejuruteraan, Skuadron Bantuan Operasi, Skuadron 321, Cawang Tadbir/Provos dan Cawang Materiel.

Dalam pertandingan tersebut, Skuadron 321 telah dinobatkan sebagai juara setelah berjaya menamatkan larian dengan jarak 800 meter selama 13 minit mengatasi pesaing yang lain.

Pelepasan peserta dan Penyampaian hadiah 'road relay' telah disempurnakan oleh Pemangku Komander Pangkalan, Lt Kol Wan Zainal Abidin bin Wan Yaacob TUDM. Turut hadir Pegawai-pegawai Eksekutif, Pegawai-pegawai dan Anggota LLP bagi setiap skuadron/cawang bagi memberi sokongan kepada peserta 'road relay'.



